

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**

DARIPADA : **TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL SINGH [BUKIT GELUGOR]**

TARIKH : **3 JULAI 2019 (RABU)**

SOALAN : **166**

PR-1422-L05695

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan berkenaan langkah-langkah yang telah diambil untuk mengawasi penyalahgunaan media sosial susulan kejadian bunuh diri oleh seorang remaja yang berumur 16 tahun berdasarkan undian yang diterimanya di media sosial Instagram baru-baru ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian sentiasa komited di dalam usaha untuk menjamin kebebasan bersuara rakyat Malaysia berdasarkan Perkara 10, Perlembagaan Persekutuan. Pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) juga tidak menjalankan pemantauan bersifat massa atau *mass surveillance* (dengan izin) bagi memantau salah laku di internet dan media sosial, selaras dengan pendirian Kerajaan di dalam perlindungan kebebasan, hak dan privasi rakyat Malaysia.

2. Walau bagaimanapun, Kementerian berpendapat bahawa, kebebasan untuk membincangkan perkara-perkara atau memuat naik kandungan di media sosial perlu dibuat dengan cara yang berhemah dan tidak sehingga mencetuskan sebarang masalah jenayah atau sosial yang lain sehingga menjejaskan keselamatan negara. Dalam hal ini,

kawalan sendiri atau *self-regulation* dengan membudayakan penggunaan internet secara positif berteraskan 3 aspek iaitu keselamatan, kewaspadaan dan tanggungjawab oleh pengguna media sosial adalah penting penting bagi melindungi diri sendiri daripada paparan kandungan-kandungan berbentuk negatif. Menyedari hakikat ini, Kerajaan turut menggerakkan program kesedaran dan pendidikan bagi memupuk budaya penggunaan secara bijaksana dan berhemah.

3. SKMM juga menyarankan pengguna sekiranya menemui sebarang kandungan yang jelik, sumbang ataupun yang menjurus kepada buli siber, laporan boleh diajukan menerusi e-mel aduanskmm@mcmc.gov.my atau WhatsApp 016-2206 262 untuk tindakan lanjut. Susulan daripada itu, SKMM akan mengambil tindakan sewajarnya terhadap mereka yang terlibat berlandaskan kepada undang-undang sedia ada.

4. Selain itu, pengguna media sosial perlu lebih prihatin dan sekiranya mendapati terdapat individu dalam talian yang dilihat cenderung untuk melakukan perkara-perkara yang negatif seperti cubaan membunuh diri, laporan boleh dibuat dengan segera kepada pihak PDRM untuk penelitian dan tindakan lanjut. Seksyen 305 Kanun Keseksaan memperuntukkan adalah menjadi kesalahan untuk menyubahati perlakuan kesalahan membunuh diri oleh orang berumur kurang daripada 18 tahun dan jika sabit kesalahan boleh dihukum penjara 20 tahun dan dikenakan denda.

5. Bagi koordinasi di masa hadapan, perbincangan akan diadakan secara berterusan bersama pihak-pihak berkepentingan seperti Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), PDRM, dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (Bomba) bagi melihat dari aspek kerjasama dan gerak kerja yang boleh dibentuk bagi mengambil tindakan proaktif dalam menghalang sebarang aktiviti yang boleh membawa kepada tindakan membunuh diri (berdasarkan maklumat daripada laman sosial) daripada berlaku. Pihak SKMM juga sentiasa komited dalam berkerjasama dengan pihak KKMM dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam kajian berkenaan

kesihatan mental serta sentiasa menyokong inisiatif-inisiatif yang dijalankan berkaitan isu kesihatan mental.

6. Di samping itu, ibu bapa dan penjaga juga diingatkan supaya sentiasa memantau aktiviti dalam talian anak-anak serta memberikan kesedaran kepada mereka berkenaan bahaya berkomunikasi dengan orang yang tidak dikenali dalam talian. Ibu bapa dan penjaga juga disaran menggunakan perisian kawalan ibu-bapa (*Parental Control*), termasuk yang disediakan oleh pihak penyedia perkhidmatan internet tempatan, bagi mengawasi tindak-tanduk dan aktiviti dalam talian anak-anak seterusnya mengelakkan mereka daripada terjebak di dalam mana-mana aktiviti atau situasi yang berisiko.